UCAPAN YB DATO' SERI UTAMA DR RAIS YATIM
MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN
SEMPENA RUMAH TERBUKA KRISMAS 2009
DI PADANG MERDEKA, KOTA KINABALU
PADA 29 DISEMBER 2009

Tuan Yang Terutama Dato' Seri Haji Ahmadshah bin Abdullah dan Toh Puan Dato' Seri Panglima Hajah Masuyah binti Awang Japar, bagi pihak Jawatankuasa Pusat serta rakan-rakan jawatankuasa di peringkat negeri, izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tun serta Toh Puan yang telah sempat bersama-sama di khalayak pada petang ini, sambil menyerikan dan mengisi tuntutan perayaan Krismas pada tahun ini. Sesungguhnya tahun demi tahun, Tuan Yang Terutama telah sempat bersama dengan majlis dan rakyat sekalian dalam pelbagai urusan kita menentukan hari perayaan besar bagi kaum-kaum di tanah air kita.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Panglima Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Rosmah binti Mansor, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Panglima Musa bin Haji Aman dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Hajah Faridah binti Haji Tusin, Yang Berhormat Dato' Johar bin Haji Mahiruddin, Yang Di Pertua Dewan Undangan Negeri Sabah dan Yang Berbahagia Datin, Yang Berhormat Dato' Haji Masidi Manjun, Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah, Yang Berhormat Timbalan-Timbalan Menteri, Yang Berhormat Dato Sukarti Wakiman, Setiausaha

Kerajaan Negeri Sabah, Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Dato' Wira Kamaruddin Siaraf, Pegawai-pegawai Tinggi Pusat, wakil-wakil dari badan-badan bukan kerajaan, Yang Berbahagia Wakil Persekutuan Kristian Malaysia, Yang Berusaha Reverend Dr. Thomas Felix, dari Kuala Lumpur, Wakil Majlis Gereja-gerega Sabah, Archbishop Dato' John Lee, Yang Berhormat-Yang Berhormat jemputan-jemputan khas, pembesar-pembesar negeri, para pemimpin badan-badan bukan Kerajaan, jemputan-jemputan, saudara-saudari yang dihormati sekalian.

Dalam suasana merayakan hari Krismas dan Hari Natal pada tahun ini, bagi pihak Jawatankuasa Pusat dan Kementerian serta rakan-rakan dalam jawatankuasa di peringkat negeri, izinkan saya menyampaikan ucapan selamat menyambut Hari Natal dan selamat merayakan Hari Krismas bagi tahun ini. Tanpa menyebut atau mengulangi mesej dan juga inti sari ucapan-ucapan yang lama, hanya satu perkara yang teringin dalam kalbu jawatankuasa kita menyatakan iaitu berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Sabah dan juga Jawatankuasa Negeri yang telah sempat bersama-sama menjayakan program-program berkaitan dengan Majlis Rumah Terbuka di Sabah sendiri dan di perenggan jawatankuasa daerah-daerah di negeri bertuah ini.

Saudara-saudari yang dihormati sekalian,

Menerusi hari-hari kebesaran beginilah dapat kita menyatukan semula perasaan nasional kita, perasaan kasih sayang kita terhadap pelbagai kaum dan pimpinan kaum di tanah air kita. Dalam majlis seperti inilah ramuan gagasan 1Malaysia dapat kita terjemah dan sekali gus memberi

pengertian kepada anjuran asas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang kita kasihi dan 1Malaysia harus berada dalam genggaman perjuangan kita.

Saudara-saudari,

Sabah dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai satu simpanan tetap kepada perjuangan nasional kita. Tetapi bagi Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, simpanan tetap ini juga adalah menjurus kepada perkara-perkara berkaitan dengan kebudayaan kita. Oleh itu, izinkan saya bagi pihak Jawatankuasa menyampaikan tahniah kepada negeri Sabah oleh kerana dapat menyimpan budaya tanah air dengan kental sekali. Kita maklum di Sabah, kita mempunyai tak kurang dari 32 suku kaum. Dan setiap suku kaum ini mencernakan amalan budaya, amalan seni kita dan memperkukuh warisan kebangsaan kita. Dengan keadaan yang berada sedemikianlah Kerajaan Pusat khususnya kementerian ini beroleh sokongan daripada jawatankuasa di peringkat negeri Sabah dalam apa jua program yang telah kita anjurkan. Seperti mana kita maklum, Krismas, Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali, Tadau Kaamatan dan Hari Gawai, kita akan jadikan terus lambang perpaduan kita. Kita sisip terus dengan nilai-nilai 1Malaysia kita. Kalau ditanya negeri manalah yang seharusnya tampak memainkan peranan 1Malaysia, saya boleh menyatakan bagi pihak jawatankuasa terus menerus. Pertama ialah Sabah bersama dengan Sarawak.

Tanpa menghiraukan keadaan sekitar petang ini, marilah kita bersama-sama menjiwai perayaan pada petang ini, walaupun sudah empat hari

berlalu Krismas sebenar. Dan pada petang ini, penjurusan kita bagi pihak yang bertugas bertungkus-lumus semenjak beberapa hari yang lalu, kita ucapkan terima kasih. Terima kasih kepada Dato' Seri Pairin Kitingan dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Masidi Manjun di atas kerjasama dan sumbangan khidmat yang menjayakan program kita satu demi satu.

Saudari-saudari,

Marilah kita, sebagai penutup dari ucapan awalan saya ini, bertepuk dan bersorak-sorai sebaiknya. Tetapi memadai saya rasa menyatakan dengan satu korus, 1Malaysia, bagi menjayakan Krismas pada tahun ini. 1Malaysia…

Terima kasih.